# Kertas Bil. 20/2016

DEWAN NEGERI SELANGOR

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PADA 28 MAC – 1 APRIL DAN 4 APRIL 2016**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY - SELCAT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR**

**BERKENAAN**

**WABAK DENGGI DI NEGERI SELANGOR**

**KERTAS BILANGAN 3/2016**

---

**LAMPIRAN II**

# MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (*SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY [SELCAT]*) BERHUBUNG "WABAK DENGGI DI NEGERI SELANGOR" YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT, DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC – 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Setuju | Tidak Setuju | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| 3 | Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (*Special Select Committee on Competence, Accountability and Transparency-SELCAT*) Bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan "Wabak Denggi di Negeri Selangor" | **13. SARANAN JAWATANKUASA**<br><br>a. Jawatankuasa mencadangkan supaya koordinasi antara Kementerian Kesihatan (Jabatan Kesihatan Negeri Selangor), Kerajaan Negeri Selangor, dan PBT harus diketuai oleh Ahli MMKN iaitu Y.B. Dr. Daroyah binti Alwi selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Negeri. | / | | YB Dr. Daroyah binti Alwi selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga Negeri Selangor mengetuai semua perkara berkaitan tindakan menangani Wabak Denggi di Negeri Selangor. Penglibatan YB EXCO di antaranya adalah:<br><br>1.Penglibatan di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) - Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Kementerian yang diadakan secara dwi mingguan yang diwakili oleh wakil EXCO/STANCO bersama 7 PBT negeri Selangor seperti MBSA, MBPJ, MPSJ, MPK, MPKJ, MPS dan MPAJ.<br><br>2.Mempengerusikan Mesyuarat di peringkat Negeri iaitu Mesyuarat Membincangkan isu Wabak Denggi Negeri Selangor secara dwi mingguan yang turut dihadiri oleh pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), wakil Pejabat YB EXCO Kerajaan Tempatan, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS), Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS), Pihak Berkuasa |

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (EXCO)
(Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga)
Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

**LAMPIRAN II**

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (*SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY [SELCAT]*) BERHUBUNG "WABAK DENGGI DI NEGERI SELANGOR" YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT, DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC – 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Setuju | Tidak Setuju | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | Tempatan Negeri Selangor (PBT), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), 4 Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) yang mencatatkan bilangan kes Denggi tertinggi dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Selangor (LPHS). |
| | | b. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Kawalan Denggi Negeri juga haruslah disertai bersama oleh Ahli MMKN PBT kerana isu kebersihan dari segi pembuangan sampah adalah berkait rapat dengan usaha menangani wabak denggi. | / | | Mesyuarat di peringkat Negeri iaitu Mesyuarat Membincangkan Isu Wabak Denggi Negeri Selangor secara dwi mingguan telah melibatkan Ahli MMKN PBT secara langsung memandangkan Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan dan Jawatankuasa Tetap Kesihatan di urusetiakan oleh Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN.<br><br>Diantara perkara yang telah dilaksanakan oleh pihak Ahli MMKN PBT bagi menangani penularan wabak Denggi di negeri Selangor adalah seperti berikut:<br><br>1.Pembersihan Sampah Pukal oleh Pihak Hebat Abadi Sdn. Bhd. bagi Rumah Kos Rendah dan Rumah Kos Sederhana Rendah di kawasan *Hotspot* sehingga 31 Disember 2016 yang melibatkan kos sebanyak RM1,186,500. |

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (EXCO)
(Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga)
Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (*SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY [SELCAT]*) BERHUBUNG "WABAK DENGGI DI NEGERI SELANGOR" YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT, DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC – 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Setuju | Tidak Setuju | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2.Pembekalan Tong Sampah sebanyak 1,000 unit yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.0 juta kepada kawasan berstrata yang mempunyai masalah sampah. |
| | | c. Jawatankuasa mencadangkan supaya semua kontrak pembersihan di padang awam dan longkang mesti dipinda jadual kekerapannya untuk membolehkan kerja pembersihan dilakukan setiap minggu kerana nyamuk Aedes memerlukan hanya 7 (tujuh) hari untuk membiak. Kontrak pembersihan sedia ada iaitu dua kali sebulan sememangnya tidak memadai untuk melawan wabak denggi. | / | | PBT di Negeri Selangor mempunyai kontrak pembersihan bagi Padang Awam dan longkang mengikut keperluan di kawasan masing-masing iaitu sebanyak sehari sekali hingga 2 bulan sekali.<br><br>Kawasan Pusat Bandar akan dibersihkan pada setiap hari berbanding di kawasan perumahan, kilang, industri dan komersial.<br><br>Setiap PBT diminta untuk memantau dan memastikan kualiti pembersihan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik di tahap maksimum untuk membantu pengurangan wabak Denggi berbanding meminda jadual kekerapan sedia ada yang akan meningkatkan kos pengurusan. |
| | | d. Jawatankuasa mencadangkan supaya semua kontrak pemotongan rumput dan pembersihan longkang turut ditambah kekerapannya dan disyaratkan bahawa beg rumput dan sisa longkang yang dibersihkan mesti dibuang oleh kontraktor pada hari yang sama dan tidak ditinggalkan di tepi jalan selama | | / | PBT di Negeri Selangor mempunyai kontrak pemotongan rumput dan pembersihan longkang mengikut keperluan iaitu sehari sekali hingga 2 bulan sekali. |

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (EXCO)
(Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan,
Hal Ehwal Wanita dan Keluarga)
Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (*SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY [SELCAT]*) BERHUBUNG "WABAK DENGGI DI NEGERI SELANGOR" YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT, DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC – 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Setuju | Tidak Setuju | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | beberapa hari. | | | Kerja-kerja pembersihan longkang dan pemotongan rumput dilakukan dengan lebih kerap di kawasan Pusat Bandar iaitu sehari sekali berbanding kawasan kilang, industri dan komersial.<br><br>PBT telah menetapkan di dalam kontrak pembersihan bahawa kutipan beg plastik berisi rumput perlu diangkat pada hari yang sama dan sisa longkang akan diangkat dalam tempoh 48 jam. Pemotongan bayaran akan dilaksanakan sekiranya berlaku keingkaran kontrak. |
| | | e. Jawatankuasa mencadangkan supaya peruntukan tambahan harus diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada PBT untuk mengupah kakitangan tambahan yang diperlukan untuk melawan denggi. | | / | Pihak Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan akan menyalurkan peruntukan kepada PBT bagi pelantikan *Pest Control Operator (PCO)* di kawasan *Hotspot* bagi menangani kekurangan aktiviti kawalan penularan Wabak Denggi. Pelantikan ini akan membantu mengawal beberapa lokaliti wabak yang tidak mampu dilaksanakan oleh pihak PBT dan PKD. |
| | | f. Jawatankuasa mencadangkan supaya PBT segera membeli peralatan seperti mikroskop mudah alih untuk membolehkan tindakan penguatkuasaan *'on the spot'* iaitu menyaman dan/atau mengkompaun secara serta merta mereka yang membiarkan kawasan air bertakung di rumah kediaman | | / | Merujuk kepada Garis Panduan Penguatkuasaan Akta Pemusnah Serangga Pembawa Penyakit 1975 (APSPP) edisi 2004, setiap pembiakan yang ditemui perlu dibawa balik ke makmal |

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (EXCO)
(Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga)
Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (*SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY [SELCAT]*) BERHUBUNG "WABAK DENGGI DI NEGERI SELANGOR" YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT, DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC – 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Setuju | Tidak Setuju | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | atau premis mereka menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. | | | atau Pejabat Kesihatan Daerah bagi tujuan pengecaman larva oleh pegawai telatih yang dilantik oleh PKD. Hal ini adalah kerana, hanya larva Aedes sahaja akan diteruskan untuk proses kompaun dan tindakan selanjutnya.<br><br>Merujuk kepada arahan daripada Peguam Negara pada tahun 2012, setiap kompaun yang ditawarkan mesti mendapat izin secara bertulis daripada Pendakwa Raya/ Timbalan Pendakwa Raya. Menurut Seksyen 376 (3) Kanun Tatacara Jenayah, Ketua Unit Pendakwaan Negeri / Timbalan Pendakwa Raya tidak mempunyai punca kuasa menurunkan kuasa untuk memberi keizinan mengkompaun tersebut kepada pihak lain.<br><br>Manakala merujuk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), apabila petugas menjumpai takungan air yang disyaki terdapat pembiakan, Petugas boleh menghapuskan Kacau ganggu jenis awam dan pengambilan tindakan undang-undang terhadap seseorang yang melakukan mana-mana kacau ganggu untuk menghapuskannya di bawah Seksyen 80.<br><br>Petugas perlu menyampaikan suatu Notis |

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (EXCO)
(Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga)
Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (*SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY [SELCAT]*) BERHUBUNG "WABAK DENGGI DI NEGERI SELANGOR" YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT, DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC – 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Setuju | Tidak Setuju | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | yang mengkehendaki menghapuskan tempat pembiakan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis (Seksyen 82 (1)) dan sekiranya pemilik tidak mematuhi notis yang disampaikan dalam tempoh yang ditentukan, pemilik apabila disabitkan, boleh didenda (kompaun) (Seksyen 82 (5)).<br><br>Pengesahan jentik-jentik hanya boleh dilakukan oleh Ahli Kaji Serangga dan mana-mana kakitangan kesihatan yang telah mendapat sijil kursus pengecaman larva (jentik-jentik) setelah mengikuti latihan teori dan praktikal kelolaan JKNS atau KKM. |
| | | g. Jawatankuasa mencadangkan supaya Unit Khas Anti Denggi diwujudkan dalam PBT. Buat masa sekarang, usaha menangani denggi ini diselia oleh Bahagian Vektor dan Penyakit Berjangkit. Kewujudan Unit Khas Anti Denggi ini amat diperlukan terutamanya fokus pelaksanaan gerak kerja membanteras denggi ini dituntut dalam keadaan kes denggi yang memuncak sekarang. | / | | Mesyuarat Wabak Denggi peringkat daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau wakilnya telah diwujudkan sejak tahun 2015 dimana penglibatan semua agensi di daerah tersebut termasuk PBT, PKD, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), wakil Hospital, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), Ahli Majlis dan Penghulu.<br><br>Mesyuarat ini dijalankan pada setiap minggu bagi membincangkan kaedah penyelesaian sesuatu isu di kawasan |

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (EXCO)
(Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga)
Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (*SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY [SELCAT]*) BERHUBUNG "WABAK DENGGI DI NEGERI SELANGOR" YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT, DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC – 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Setuju | Tidak Setuju | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | wabak terutama *Hotspot*. Tindakan serta merta perlu diambil dan dilaporkan pada mesyuarat seterusnya.<br><br>Bagi PBT yang mempunyai kawasan *hotspot* berpanjangan, beberapa petugas khas akan ditempatkan di kawasan tersebut bagi mengesan dan mengawal penularan kes. Petugas ini akan melakukan Pemeriksaan Tempat Pembiakan (PTP), *fogging* dan *larvasiding* dalam tempoh di tetapkan sehingga tiada kes dicatatkan di kawasan tersebut. |
| | | h. Amaun saman yang dikeluarkan harus bertambah jika kesalahan berulang. | / | | Merujuk Seksyen 82(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKT 171), apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya dan selain daripada itu Mahkamah Majistret itu boleh mengeluarkan suatu perintah kacau ganggu.<br><br>Bagi Kesalahan yang berulang (terutama bagi tapak bina), hujahan pemberatan akan diberikan oleh Pengawai Pendakwa Jabatan. Keputusan mengenakan denda pada amaun yang lebih tinggi adalah daripada Majistret. |

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (EXCO)
(Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga)
Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (*SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY [SELCAT]*) BERHUBUNG "WABAK DENGGI DI NEGERI SELANGOR" YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT, DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC – 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Setuju | Tidak Setuju | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan untuk mewujudkan satu Undang-Undang Kecil berkaitan Serangga Pembawa Penyakit bagi menambah baik kaedah pengawalan penularan Wabak Denggi di Negeri Selangor termasuk kaedah pengeluaran kompaun dan kadar kompaun yang akan dikenakan. |
| | | i. PBT harus memastikan bahawa Jabatan OSC dan Jabatan Bangunan meluluskan pelan bangunan yang bersifat *'dengue free'* iaitu tiada struktur bangunan bermasalah yang boleh menakung air. | / | | Pihak KPKT telah mengeluarkan satu saranan merujuk surat kepada PBT (no. rujukan : JKT T 800-3/1 jld.39 (23) bertarikh 30 Mei 2016 untuk mensyaratkan pematuhan Seksyen 11 Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit1975 (Akta 154) dijadikan syarat kelulusan Kebenaran Merancang (KM) bagi tapak bina agar bersifat *'dengue free'*.<br><br>Saranan ini akan diangkat untuk mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk pelaksanaannya di semua PBT. |
| | | j. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor seharusnya mempertimbangkan kaedah lain untuk mengawal denggi seperti *fogging*, peningkatan kegunaan Ovitrap, *'strategic mapping'* atau vaksin dan bukan hanya tertumpu kepada *'source reduction'*. | / | | Sememangnya *fogging* masih dijalankan seperti biasa dalam aktiviti kawalan di negeri Selangor mengikut Garis Panduan Hala Tuju Kawalan Denggi 2014 yang telah dikeluarkan oleh pihak KKM. |

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (EXCO)
(Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga)
Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (*SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY [SELCAT]*) BERHUBUNG "WABAK DENGGI DI NEGERI SELANGOR" YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT, DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC – 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Setuju | Tidak Setuju | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | Peningkatan pengunaaan Ovitrap dalam kawalan Denggi tidak dilaksanakan kerana berdasarkan kajian, tiada bukti kukuh menunjukkan peningkatan Ovitrap akan menunjukkan pengurangan kes di sebuah lokaliti.<br><br>Perkara perlu dilaksanakan secara komplimen dengan aktiviti kawalan Denggi yang lain temasuk *source reduction* yang menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.<br><br>*Strategic mapping* telah digunakan dan diperkenalkan oleh KKM iaitu melalui Sistem Pengurusan Wabak Denggi (SPWD) dalam aktiviti kawalan Denggi di semua daerah.<br><br>Status vaksin masih belum bermula kerana penggunaannya masih belum didaftar di Malaysia. |
| | | k. Bahan edaran kesedaran denggi seperti kertas layang *("leaflet")* dan kain rentang *("banner")* hendaklah diterjemahkan dalam pelbagai bahasa untuk warga asing. Kempen kesedaran boleh melibatkan video yang dimainkan di dalam pengangkutan awam seperti Bas #SmartSelangor. | / | | Bahan Pendidikan Kesihatan sememangnya telah dicetak dengan pelbagai bahasa seperti Nepal, Bangladesh dan Myammar untuk diedarkan semasa program dan aktiviti kawalan Denggi dilaksanakan di peringkat negeri, PKD dan PBT. |

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (EXCO)
(Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga)
Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

**LAMPIRAN II**

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (*SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY [SELCAT]*) BERHUBUNG "WABAK DENGGI DI NEGERI SELANGOR" YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT, DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC – 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Setuju | Tidak Setuju | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | Kempen kesedaran di dalam pengangkutan awam seperti Bas #SmartSelangor akan dilaksanakan dengan kerjasama Jawatankuasa Tetap Pengangkutan. |
| | | I. Tapak pembinaan hendaklah dipantau dengan lebih kerap oleh pihak PBT dan arahan pemberhentian kerja *("stop work order")* harus diberikan sekiranya terdapat tempat pembiakan nyamuk Aedes. | / | | Berdasarkan kepada hala tuju baru kawalan Denggi, aktiviti penguatkuasaan APSPP 1975 ke atas tapak bina dijalankan setiap 3 bulan sekiranya di dalam kawasan wabak / 6 bulan di luar kawasan wabak.<br><br>Sekiranya ditemui pembiakan yang padat, maka tindakan penutupan di bawah Sek 8 (3) (aa) selama 14 hari akan dikeluarkan dan pendakwaan, manakala jika ditemui pembiakan (dalam bekas yang boleh musnah dan sedikit), maka tindakan pendakwaan akan diambil.<br><br>Arahan Penutupan selama 14 hari ini telah dikeluarkan oleh Menteri Kesihatan dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan Malaysia kepada semua Jabatan Kesihatan Negeri. |

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (EXCO)
(Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan,
Hal Ehwal Wanita dan Keluarga)
Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan